KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KENYATAAN MEDIA

SEMINAR KESIHATAN PEKERJAAN BERSAMA INDUSTRI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA 2026

1. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) WP Kuala Lumpur dan Putrajaya pada hari ini telah menganjurkan **Seminar Kesihatan Pekerjaan Bersama Industri: Occupational Health Masterclass Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2026** bertempat di Le Quadri Hotel Kuala Lumpur**.** Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Ir. Ts. Hajah Hazlina binti Yon, **Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia**, yang turut melancarkan *Occupational Health Bulletin*, terbitan Seksyen Kesihatan Pekerjaan, JKKP Kedah.
2. Bertemakan **"Beyond Compliance: The Human Factor of Business Resilience"**, seminar ini menekankan kepentingan kesihatan dan kesejahteraan pekerja sebagai teras kepada produktiviti, kelangsungan operasi dan daya tahan organisasi. Tema ini membawa mesej bahawa pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu melangkaui pematuhan perundangan semata-mata dengan menjadikan perlindungan kesihatan pekerja sebagai pelaburan strategik organisasi.
3. Seminar ini telah menghimpunkan seramai 300 orang peserta**,** dengan tumpuan khusus kepada majikan, wakil pengurusan tertinggi organisasi serta pihak berkepentingan dalam bidang

keselamatan dan kesihatan pekerjaan daripada pelbagai sektor industri.

4. Fokus utama seminar ini adalah untuk memperkukuh kepimpinan dan akauntabiliti organisasi dalam pengurusan kesihatan pekerjaan melalui pendekatan yang lebih proaktif dan berasaskan bukti. Penekanan diberikan kepada penggunaan data bagi pengesanan awal risiko kesihatan, pelaksanaan langkah pencegahan serta penilaian keberkesanan intervensi. Pendekatan ini bertujuan memastikan aspek kesihatan pekerja diambil kira dalam keputusan strategik organisasi bagi menyokong produktiviti dan kesinambungan operasi.

5. Berdasarkan statistik JKKP, sebanyak 8,196 kes penyakit dan keracunan pekerjaan telah disiasat dan disahkan pada tahun 2024**,** berbanding 8,155 kes pada tahun 2023**.** Daripada jumlah tersebut, gangguan pendengaran berkaitan pekerjaan akibat pendedahan bising mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 6,747 kes**.** Statistik ini menunjukkan bahawa risiko kesihatan pekerjaan masih memerlukan perhatian serius, khususnya dalam memperkukuh langkah pencegahan, kawalan pendedahan dan pengawasan kesihatan pekerja secara berterusan.

6. Di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pula, sebanyak **288 kes penyakit pekerjaan telah dilaporkan sepanjang tahun 2025**, dengan kesemua kes tersebut telah disiasat sepenuhnya. Statistik ini memperlihatkan kepentingan memperkukuh pengesanan awal, pelaporan dan pengawasan kesihatan pekerja bagi memastikan risiko penyakit pekerjaan dapat dikenal pasti dan ditangani dengan lebih berkesan.

7. Selaras dengan tema seminar, JKKP menekankan kepentingan penggunaan data kesihatan pekerja bagi mengesan risiko lebih awal dan melaksanakan intervensi berasaskan bukti. Pendekatan ini

membolehkan organisasi beralih daripada tindakan reaktif kepada pengurusan kesihatan pekerjaan yang lebih bersifat ramalan dan pencegahan (*predictive and preventive*)**,** sekali gus memperkukuh daya tahan organisasi.

8. Usaha ini selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30) yang menekankan pengukuhan kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Melalui pelaksanaan intervensi dan penilaian kesihatan pekerjaan yang berkesan, OSHMP30 menetapkan sasaran kadar penyakit pekerjaan di bawah 59.8 bagi setiap 100,000 pekerja menjelang tahun 2030**,** sekali gus menyokong pembentukan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan.

9. Majlis ini turut menyaksikan pelancaran *Occupational Health Bulletin*, terbitan Seksyen Kesihatan Pekerjaan, JKKP Kedah, yang memberikan tumpuan kepada kesan perubahan iklim terhadap kesihatan pekerja, termasuk risiko tekanan haba, cuaca ekstrem dan pencemaran udara. Penerbitan ini bertujuan meningkatkan kesedaran serta menjadi sumber rujukan dalam memperkukuh pengurusan risiko kesihatan pekerjaan dan pelaksanaan langkah pencegahan yang berkesan.

10. JKKP turut menegaskan bahawa komitmen majikan dan pengurusan tertinggi perlu diterjemahkan melalui tindakan yang nyata, termasuk penyediaan sumber yang mencukupi, pelaksanaan langkah kawalan risiko serta pemantauan keberkesanan intervensi kesihatan pekerjaan. Usaha ini penting bagi memastikan perlindungan kesihatan pekerja dilaksanakan secara berterusan dan berkesan.

11. Penganjuran Occupational Health Masterclass 2026 mencerminkan komitmen berterusan JKKP dalam memperkukuh kerjasama strategik bersama pihak industri bagi memperkasakan pengurusan

kesihatan pekerjaan. Melalui pendekatan yang lebih proaktif dan berasaskan bukti, JKKP berharap usaha ini dapat menyumbang kepada pembentukan tenaga kerja yang lebih sihat, produktif dan berdaya tahan, sekali gus menyokong kelangsungan organisasi serta pembangunan ekonomi negara.

###

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
28 Oktober 2026